

23/04/1999

Penggunaan IT belum meluas

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan akan memberi tumpuan dan penekanan dalam memperluaskan penggunaan teknologi maklumat (IT) bagi semua lapisan masyarakat, terutamanya penduduk di luar bandar.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie, berkata penduduk di luar bandar kurang terdedah dengan IT disebabkan kemudahan infrastruktur berkaitan IT tidak mencukupi berbanding masyarakat di bandar.

Sehubungan itu, bagi menentukan kemudahan itu dibangunkan, pihaknya akan mempercepatkan proses sambungan kepada penduduk terbabit dengan IT selain kesanggupan serta kesediaan penduduk itu sendiri untuk menggunakan IT.

Menurutnya, pihaknya juga akan menentukan dari segi publisiti dan kempen penerangan untuk menarik lebih ramai remaja dan orang ramai di luar bandar untuk terus mempelajari dan didedahkan dengan IT.

"Dalam mewujudkan masyarakat bermaklumat kita harus menentukan semua lapisan masyarakat menikmati kemudahan ini dan kementerian ini terbabit bersama agensi kerajaan lain untuk menggalakkan kefahaman penduduk di negara ini," katanya selepas majlis penyampaian cek Larian Cintai IT 2000 anjuran Persatuan Bekas Pelajar-Pelajar Institut Teknologi Mara (PBPPITM) di kementeriannya, di sini hari ini.

Leo berkata, penggunaan teknologi itu turut diberi penekanan dalam Laporan Separuh Penggal RM-7 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen hari ini.

Beliau berkata, beberapa tindakan sudah dijalankan untuk meningkatkan kesedaran penggunaan IT termasuk langkah Kementerian Pendidikan memperkenalkan IT dalam ko-kurikulum sekolah.

Sementara itu Timbalan Presiden PBPPITM, Mohd Helmi Ibrahim, berkata dana yang terkumpul daripada larian itu akan digunakan untuk menganjurkan seminar pendedahan IT kepada para pelajar luar bandar yang akan dikendalikan oleh siswazah ITM yang masih menganggur.

Dalam majlis itu, RM40,000 berbentuk wang tunai di terima daripada beberapa syarikat swasta termasuk Taisho Livita (M) Sdn Bhd, KUB Teknologi Berhad, Citibank dan CSE Niaga.

(END)